

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

### TENDER TERBUKA

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 untuk melaksanakan semua program dan inisiatif yang dikenal pasti di bawah Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).



1.0 Tawaran adalah dipelawa daripada Pembekal Perkhidmatan yang memenuhi syarat-syarat berikut dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang tertera di bawah:-

(a) Berdaftar dengan SSM / ROS / ROB dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah mana-mana kategori yang berikut:

Kod	Kategori
070202	Haiwan Ternakan, Bukan Ternakan dan Akuatik
070302	Makanan Haiwan / Akuatik
070303	Peralatan dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan/Akuatik
222103	Ternakan

(b) Berpengalaman lebih daripada Lima (5) tahun dalam perniagaan membekalkan haiwan ruminan.

No. Tender	Tajuk Projek	Harga Dokumen
FD/T19-001	PELANTIKAN PEMBEKAL UNTUK MEMBEKALKAN PEJANTAN DAN BAKA BETINA BEBIRI DORPER UNTUK PROJEK AGROPOLITAN PEKAN (PAP) DAN BESUT SETIU AGROPOLITAN (BSA) UNTUK MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC).	RM100.00

2.0 Petender-petender yang berminat memasuki tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat projek. Petender-petender juga dikehendaki menghubungi **Majlis Pembangunan ECER** untuk memaklumkan kehadiran ke taklimat projek di talian 03-2035 0021 / 0022.

Taklimat projek akan diadakan pada hari Jumaat, 26 April 2019 seperti berikut:

Tempat : Menara TA One

Tingkat 11, No. 22, Jalan P Ramlee, 50250 Kuala Lumpur.

Masa : 11.00 - 11.30 pagi : Pendaftaran Petender

Masa : 11.30 pagi : Taklimat Tender

3.0 Hanya petender yang menghadiri taklimat projek sahaja layak membeli Dokumen Tender ini.

4.0 Dokumen Tender boleh dibeli mulai 26 April 2019 hingga 3 Mei 2019 pada waktu pejabat dari 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Pejabat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di:

**Aras 22, Menara 3 PETRONAS, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur**

5.0 Petender dikehendaki membawa Sijil Asal atau Salinan Sijil Yang Disahkan bagi Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (di dalam gred dan kategori pendaftaran yang berkaitan) bersama Satu (1) salinan sijil-sijil tersebut semasa taklimat tender dan pembelian Dokumen Tender.

6.0 Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah menggunakan Wang Kiriman / Bank Draf atas nama **MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.

7.0 Petender hendaklah memasukkan Dokumen Tender yang telah lengkap diisi ke dalam bungkusan bermeteri. Tulis Nombor Tender dan Tajuk Projek di sudut atas kiri bungkusan serta alamatkan kepada "Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Aras 22, Menara 3 PETRONAS, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur". Petender hendaklah memastikan bungkusan diterima oleh ECERDC sebelum pukul 3.00 petang pada hari Jumaat, 10 Mei 2019.

8.0 Pihak **Majlis Pembangunan ECER** tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tender.